

PERSIDANGAN MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA SIDANG I PENGKAL XXVI TAHUN 2007

Majlis dimulai dengan bacaan doa oleh Saudara Mohd Zawawi bin Hj Ahmad Mughni (Majlis Belia Selangor)

1. AGENDA I : UCAPAN ALUAN PRESIDEN MBM

(Rujuk **Lampiran I**)

- 1.1 Beliau mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang hadir terutama kepada Y.B Datuk Azalina binti Dato' Othman Said, Menteri Belia dan Sukan Malaysia.
- 1.2 Mengharapkan supaya MPBN menjadi forum yang terbaik bagi membincangkan agenda dan isu-isu besar serta melakukan muhasabah bagi memastikan agenda besar negara "menyediakan modal insan" terlaksana dan generasi muda terus dipastikan menjadi kumpulan penting kepada negara , untuk hari ini dan masa depan...
- 1.3 Gerakan program pembangunan belia hendaklah mengalami perubahan serta mempelbagaikan usaha kerana pelanggan utama iaitu belia berkehendakkan perubahan dan sesuatu yang berbeza.
- 1.4 MBM dan gerakan belia harus melakukan sesuatu supaya mereka berada di tengah-tengah orang muda dan kehadirannya dirasai, diharapkan dan diperlukan oleh orang muda bagi memperjuangkan hak dan kepentingan mereka. Bukan sahaja melakukan aktiviti tetapi perlu menjuarai perjuangan kepentingan mereka.
- 1.5 Memaklumkan bahawa MBM sendiri giat berusaha mengubah pendekatan. Sementara terus dengan fungsi asal MBM, sentiasa menyesuaikan dan mempelbagaikan kegiatan. MBM menerusi agenda "Mengerak Belia Malaysia".
- 1.6 MBM mahu pemimpin muda dari pelbagai latar belakang, agama, budaya, fahaman politik, bangsa berbicara secara rasional pelbagai topik - MBM akan mengemukakan pelbagai idea baik yang timbul melalui sidang ini kepada kerajaan untuk perhatian dan pertimbangan sewajarnya.

- 1.7 Merakamkan penghargaan kepada YAB PM dan khasnya kepada YB Menteri Belia Dan Sukan Malaysia kerana telah bersetuju dan meluluskan permohonan MBM untuk mentadbir IYC.
- 1.8 Memohon supaya pertubuhan belia disemua peringkat diperkasakan
- 1.9 Beliau mengharapkan supaya usaha bersama dapat digembleng bagi memastikan golongan belia menjadi hebat, berdaya saing, generasi penerus yang berilmu, berdisiplin dan tinggi moralnya kerana menurut beliau ini sahajalah kaedah bagi memastikan negara ini mencapai matlamat Wawasan 2020.

2. AGENDA II : UCAPTAMA Y.B DATO' AZALINA DATO' OTHMAN SAID, MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

(Rujuk **Lampiran II**)

- 2.1 Y.B Dato' Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua Ahli MPBN dan mengucapkan tahniah kepada mereka yang baru dilantik menganggotai Majlis ini. Beliau mengharapkan agar pemuafakatan dikalangan ahli mesyuarat dapat dierat dan disuburkan lagi demi pembangunan generasi muda negara.
- 2.2 Y.B Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa Ahli Majlis yang dilantik di bawah kuota Ahli Lantikan Menteri pada penggal ini adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang iaitu ada yang mewakili pertubuhan belia, profesional, ahli akademik dan media.
- 2.3 Empat (4) Fokus utama program pembangunan belia bagi tahun 2007 iaitu:
 - 2.3.1 Tahun 2007 adalah tahun merayakan kejayaan 50 tahun kemerdekaan negara.
 - 2.3.2 Tahun Melawat Malaysia
 - 2.3.3 Bermulanya pelaksanaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia.
 - 2.3.4 Tahun Persiapan bagi menghadapi pilihanraya umum.
- 2.4 Keempat-empat pendekatan ini menuntut pendekatan pelaksanaan agenda pembangunan belia digerakkan dengan lebih dinamik dan bertenaga bagi membolehkan warga belia melonjak ke tahap pembangunan yang selaras dengan pencapaian 50 tahun kemerdekaan.

- 2.5 Y.B Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa bermula tahun ini Persidangan MPBN akan berlangsung seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia.
- 2.6 Menyedari keperluan untuk memperkasakan pembangunan belia dan sukan, sebagai agenda utama pembangunan negara, KBS di bawah hala tuju baru dan RMK-9 akan melaksanakan strategi dan program berasaskan 6 pendekatan iaitu:
 - 2.6.1 Menyuntik, membangun dan merealisasikan potensi modal insan bagi setiap generasi muda.
 - 2.6.2 Merangka semula dan membangunkan rangkaian dan sistem gerakan pembangunan belia.
 - 2.6.3 Memulakan langkah meningkatkan metodologi menghubungi generasi muda bagi meluaskan capaian program dan mesej pembangunan.
 - 2.6.4 Meningkatkan sokongan, kerjasama dan komitmen kerajaan negeri, dan kerajaan tempatan dalam pembangunan belia dan sukan.
 - 2.6.5 Merealisasikan lonjakan peranan belia diperingkat antarabangsa.
 - 2.6.6 Memperluaskan peranan pembangunan belia kepada sektor-sektor baru.
- 2.7 Y.B Dato' Pengerusi memaklumkan pewujudkan Indeks Belia Malaysia yang merupakan satu instrumen yang telah dibentuk untuk memantau perkembangan pembangunan belia untuk tahun semasa dan membandingkannya dengan perkembangan dalam tahun-tahun mendatang.
- 2.8 Y.B Dato' Pengerusi mengharapkan program yang dianjurkan oleh persatuan belia hendaklah lebih bersifat inovatif, kreatif serta mempunyai jaringan hubungan (networking) yang baik dengan semua pihak bagi tujuan menghasilkan suasana yang harmoni dalam masyarakat serta pada masa yang sama akan dapat melahirkan kepimpinan belia yang mempunyai personaliti terjulung (towering personality).

- 2.9 Y.B Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa sambutan Hari Belia Negara akan diberi suntikan semula dengan beberapa suntikan baru supaya benar-benar menepati sambutan 50 tahun kemerdekaan negara. Memaklumkan buat pertama kalinya DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong akan menyampaikan Anugerah dan Pengiktirafan kepada mereka yang telah menunjukkan komitmen jitu dalam pembangunan belia Malaysia.
- 2.10 Y.B Dato' Pengerusi mengharapkan persidangan ini akan menjana pandangan-pandangan baru dan memaklumkan bahawa KBS bertekad untuk menjana era baru pembangunan belia yang lebih gemilang bermula tahun 2007 ini.

3. AGENDA III : PEMBENTANGAN LAPORAN PERSIDANGAN MPBN SIDANG III PENGGAL XXV TAHUN 2006 & LAPORAN KEMAJUAN MPBN, MPBN NEGERI DAN MPBD OLEH Y.BHG DATO. HJ. FATHUL RAZI BIN HJ. BAKRI, TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN BELIA)

Laporan pembentangan seperti dalam Buku Laporan Persidangan dan Kemajuan Pelaksanaan MPBN Sidang 1 Penggal XXVI Tahun 2007 yang telah diedarkan pada 8 Mac 2007.

4. AGENDA IV : PEMBETANGAN KERTAS KERJA

4.1 Pemetaan Belia & Indeks Belia

- Y.Bhg Prof. Dr. Samsudin A. Rahim

*Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia
(IPPBM)*

(Rujuk **Lampiran III**)

4.2 Peranan Pertubuhan Belia Dalam Membanteras Gejala Sosial

- Sdr. Mohd. Zaidi Aziz

Majlis Belia Malaysia

(Rujuk **Lampiran IV**)

5. AGENDA V : PERBAHASAN UCAPTAMA DAN KERTAS KERJA

5.1 Y.B Dato' Dr. Ahmad Shukri bin Hj. Ismail (EXCO Belia, Sukan dan Perpaduan Negeri Pahang) menjelaskan bahawa beliau menyokong program pengupayaan persatuan belia, walau bagaimanapun memohon supaya peruntukan sebanyak RM12 ribu diteruskan.

Beliau juga mencadangkan supaya peruntukan Majlis Perundingan Belia Daerah (MPBD) disalurkan melalui MPBN Negeri sebagai langkah pemantauan.

Bagi program Tabung Ekonomi Belia, beliau mencadangkan supaya prosedur permohonan pinjaman dipermudah supaya kumpulan sasaran mudah untuk memohon dan bagi program belia tani, mencadangkan kepada KBS supaya diadakan perbincangan dengan Bank Pertanian untuk menyediakan sejumlah geran kepada graduan menganggur.

Sementara bagi program Belia Benci Dadah (BBD), mencadangkan supaya pendekatan lebih agresif dipraktikkan untuk pelaksanaan program dan peruntukan secukupnya perlu disediakan bagi tujuan ini.

5.2 Y.B Bakar bin Saad (Wakil Exco Belia dan Sukan Negeri Perlis) menjelaskan bahawa Liga Sukan Komuniti telah mendapat sambutan yang baik dengan penyertaan yang menggalakkan. Mohon supaya peruntukan diterus dan ditambah.

Mencadangkan bagi program Belia Benci Dadah, pelaksanaan program dilaksanakan secara kerjasama antara KBS, AADK, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan persatuan belia. Beliau juga mencadangkan supaya seorang pegawai khas dilantik bagi mengenalpasti langkah mengatasi masalah mat rempit.

5.3 Y.B Dato' Hjh. Jahara binti Hamid (EXCO Belia, Sukan, Pembangunan Wanita dan Pembangunan Komuniti Negeri Pulau Pinang) mengucapkan tahniah kepada KBS kerana melaksanakan kajian yang menghasilkan data-data berkaitan belia. Walau bagaimanapun mengatakan bahawa bagi tingkah laku devian maklumat yang dinyatakan agak meragukan jika dibandingkan dengan keadaan sebenar terutama berkaitan dengan dadah dan seks.

Mencadangkan supaya maklumat yang terperinci perlu disalurkan ke peringkat negeri supaya perancangan dan tindakan segera boleh diambil.

Mengesyorkan kepada MBM supaya pelan strategiknya dirangka berdasarkan kepada Indeks Belia Malaysia. Beliau turut berpandangan bahawa program yang melibatkan golongan Wanita dan Orang Kurang Upaya (OKU) perlu diperbanyakkan.

- 5.4 Y.B Tuan Hj, Aziz bin Kaprawi (EXCO Belia dan Sukan Negeri Johor)** memaklumkan bahawa Program 3K sangat baik khususnya dalam melahirkan lepasan yang memiliki kemahiran dan pengetahuan keusahawanan tetapi tiada penyediaan peluang pekerjaan. Selain itu, menyatakan bahawa lepasan IKBN perlu dibantu untuk mencari pekerjaan.

Mohon kepada KBS untuk memperkemaskan program ekonomi dan mewujudkan unit-unit perniagaan. Mencadangkan supaya KBS menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti MARA untuk merangka modul keusahawanan dan KBS perlu mewujudkan unit keusahawanan dan menerbitkan modul-modul berkaitan. Selain itu, KBS perlu mengadakan kerjasama dengan GLC di daerah-daerah bagi menempatkan belia untuk tujuan praktikal dengan dibayar elaun.

- 5.5 Y.B Dato' Raghavan a/l Raman (EXCO Belia dan Sukan Negeri Melaka)** mengucapkan tahniah kepada IPPBM atas kajian yang dijalankan. Mohon kepada IPPBM untuk menjalankan kajian bagi mengenalpasti punca golongan belia terlibat dalam aktiviti rempit dan seks bebas serta merancang langkah-langkah strategik bagi menangani masalah ini.

- 5.6 En. Wira Karnain bin Sani (Ahli Lantikan Menteri)** mempertikaikan peranan pihak-pihak tertentu yang suka mensensasikan isu dan masalah, sepatutnya pihak berkenaan lebih berperanan mensensasikan perkara yang betul dan lebih positif. Mencadangkan kepada KBS untuk mewujudkan Radio Belia.

Mencadangkan KBS dan KPM mewujudkan Sekretariat Rakan Muda di peringkat sekolah supaya aktiviti belia dapat dikembangkan dan sebagai persediaan kepada para pelajar tersebut untuk menyertai pertubuhan belia apabila menamatkan alam persekolahan.

Mencadangkan kepada PBT merancang pembangunan yang seimbang disemua tempat dan memberi peluang kepada belia untuk mendapatkan peluang-peluang ekonomi.

Mengesyorkan kepada IPPBM untuk menjalankan kajian terhadap penghijrahan belia ke bandar.

- 5.7 Ku Ahmad Rosidi bin Ku Mat Esa (EXCO MBM)** memaklumkan bahawa bagi permasalahan belia perkara asas yang perlu diberikan tumpuan utama ialah institusi keluarga itu sendiri dan mencadangkan kepada semua pihak supaya jangan saling menunding jari tetapi asas kepada masalah tersebut perlu difahami.

Menyatakan bahawa MBM sedia bekerjasama dengan IPPBM dalam melakukan penyelidikan yang lebih fokus dan tepat tetapi mohon kepada KBS untuk menyediakan sejumlah peruntukan bagi tujuan ini.

- 5.8 En. Hasnul Fairuz Hushin Amri (EXCO MBM)** mencadangkan supaya perwakilan KPM dimasukkan dalam MPBN kerana banyak program belia boleh dilaksanakan di peringkat sekolah dan pegawai belia serta pertubuhan belia boleh dilibatkan di sekolah terutamanya dalam merancang dan melaksanakan program.

Bagi menangani mat rempit ia hendaklah menggunakan pendekatan psikologi iaitu mat rempit perlu didampingi melalui pendekatan secara emosi yang lembut dan bukan secara paksaan atau kekerasan.

Pelaksanaan PJKN perlu melibatkan pihak MBD/pertubuhan belia dalam proses perancangan dan pelaksanaan program supaya peserta program akhirnya akan mengenali dan menyertai persatuan belia.

Berhubung dengan masalah seks remaja mencadangkan supaya pengetahuan dan pendidikan seks di sekolah perlu diadakan.

- 5.9 Y.B Dato' Idris bin Haron (Timbalan Presiden MBM)** menyokong MPBN dijadikan sebagai sidang Parlimen Belia dan turut mencadangkan supaya MPBN mempunyai tempat atau bangunan khas dan isu yang diusulkan dalam setiap persidangan perlu diangkat kepada kerajaan/kabinet.

Mengucapkan tahniah kepada IPPBM atas penyelidikan dan mencadangkan supaya perancangan perlu melihat kepada indeks belia supaya lebih sistematik dan tepat.

Bagi Kelab Sukan Komuniti (KSK) mengesyorkan supaya satu dasar perlu ditetapkan supaya pengerusi KSK ini terdiri daripada pemimpin belia sahaja dan pengerusi serta keahliannya perlu dihadkan umur. Mencadangkan supaya ganjaran disediakan kepada belia yang terlibat secara sukarela atau mereka yang telah mencapai sesuatu kejayaan.

5.10 Y.Bhg Dato' Saifuddin bin Abdullah (Ahli Lantikan Menteri)

memaklumkan bahawa Dasar Pembangunan Belia Negara perlu disemak semula setelah dilancarkan pada tahun 1997 dan begitu juga dengan Pelan Tindakan Belia Nasional juga perlu disemak semula selaras dengan pelaksanaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia.

Pelaksanaan program 3K perlu diperhalusi semula kerana tidak pernah dibentang, dibincang dan diluluskan oleh MPBN. Mencadangkan KBS untuk menubuhkan Suruhanjaya Khas dalam mengkoordinasikan aktiviti antara kerajaan dan NGO.

Berkaitan pelantikan wakil belia dalam PBT, beliau memaklumkan bahawa pelantikan Ahli Majlis PBT tidak selaras dengan Akta Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana tidak melibatkan wakil belia. Pelantikan dikalangan ahli politik tidak boleh mewakili golongan belia dan perkara ini perlu diberi perhatian segera.

Beliau mencadangkan KBS dan MBM mengadakan kunjungan hormat ke KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk berbincang mengenai langkah kerjasama yang dapat dijalin.

Mengucapkan tahniah kepada IPPBM atas kajian yang dijalankan dan mohon IPPBM mengumpul semua hasil penyelidikan berkaitan dengan belia sebagai rujukan dan edaran kepada semua Ahli Majlis.

Kertas kerja yang dibentangkan oleh MBM terlalu umum, ia perlu berfokus kepada isu-isu yang tertentu. Sebaiknya-baiknya ia diperhalusi dan lebih fokus kepada isu-isu di dalam gejala sosial seperti lepak dan mat rempit.

5.11 En. Tajudin bin Ahmad (Setiausaha Agong MBM) mencadangkan supaya diadakan satu *'roadshow'* untuk memberi penjelasan mengenai Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia.

Beliau turut mencadangkan supaya diwujudkan filem/dokumentari pendek mengenai persatuan atau aktiviti belia dengan tujuan untuk memperkenalkan pertubuhan-pertubuhan belia. Selain itu turut menyarankan supaya kerjasama dengan media perlu ditingkatkan.

Beliau turut mencadangkan supaya diwujudkan *'one-stop centre'* sebagai pusat penerangan dan pengedaran risalah mengenai aktiviti atau program belia. Sebagai permulaan pusat ini boleh diadakan dipasaraya seperti yang dilaksanakan oleh Negeri Pulau Pinang.

5.12 En. Nor Azmi bin Azilan (EXCO MBM) mengutarakan tentang pengiktirafan terhadap pertubuhan belia di W.P Kuala Lumpur, menurut beliau tiada EXCO Belia dalam Kementerian Wilayah Persekutuan dan struktur PBT (DBKL) perlu mengiktiraf badan-badan belia / persatuan. Justeru, dicadangkan diwujudkan satu mekanisme baru khusus untuk mengiktiraf dan membantu persatuan belia di peringkat Wilayah Persekutuan.

5.13 En. Mustaffa bin Bakar (DT MBM) memaklumkan bahawa pelaksanaan MPBD perlu dipercepatkan dan mohon supaya segala perancangan di peringkat nasional dapat diperturunkan dan dikongsi bersama persatuan belia di peringkat akar umbi.

5.14 En. Khairul Ariffin [Wakil ABIM (DT MBM)] menyatakan penghasilan Indeks Belia Malaysia boleh membantu mengurangkan salah tafsir terhadap status sosial belia negara. Beliau turut mencadangkan supaya pada masa hadapan kajian perlu menumpukan kepada kajian mikro dan turut mencadangkan supaya diadakan kajian hubungan antara agama selain dari keluarga.

Beliau turut menyarankan supaya setiap program perlu merujuk kepada Dasar Pembangunan Belia Negara dan dasar tersebut perlu disemak dan disesuaikan dengan keadaan semasa.

5.15 Y.B Suraya binti Yaacob (Ahli Lantikan Menteri) memaklumkan bahawa majoriti belia tidak memahami tentang kehendak diri mereka sendiri walaupun Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia serta Indeks Belia Malaysia diadakan.

Mencadangkan supaya kebanjiran program realiti TV sejak akhir-akhir ini perlu dikawal dan dipantau. Sekiranya perlu garis panduan terhadap program-program ini perlu diadakan. Beliau turut menyarankan supaya Internet turut dikawal supaya remaja/belia tidak terpengaruh dengan maklumat yang negatif.

5.16 Y.B Loka Ng Sai Kai (Ahli Lantikan Menteri) mencadangkan supaya diadakan kajian untuk menilai keberkesanan program pembangunan belia dan perancangan program perlu melibatkan kerjasama di antara KBS dan pertubuhan belia.

5.17 Y.B S. Ramis (Ahli Lantikan Menteri) menyarankan KBS dan KPM memberi perhatian kepada pelajar yang tercicir dalam pelajaran sama ada di peringkat rendah atau menengah dan mencadangkan kepada KPM untuk mengadakan mata pelajaran Vokasional di sekolah harian biasa.

Beliau turut mencadangkan supaya pelajar-pelajar bermasalah dilibatkan dengan program-program bercorak kesukarelaan dan memaklumkan bahawa tidak berlaku kesinambungan penyertaan pelajar dalam persatuan beruniform selepas tamat persekolahan. Ini kerana tiada tindakan susulan oleh badan-badan berkenaan. Mengesyorkan supaya KBS menjadi badan perantara bagi menyalurkan para pelajar ini ke pertubuhan tersebut.

5.18 Pn. Suzannah Liaw (SUT, Kementerian Belia dan Sukan Sabah) mencadangkan supaya diadakan perkongsian maklumat dengan Kementerian Belia dan Sukan Sabah terutama data Indeks Belia dan Peta Belia. Mengharapkan perancangan program pembangunan belia akan lebih sistematik melalui penemuan-penemuan indeks.

Berkaitan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia, beliau memaklumkan bahawa input-input daripada Sabah dan Sarawak tidak diambil kira dalam penggubalan akta ini.

5.19 En. Sobri bin Ahmah (Timbalan Pengerusi Tetap MBM) menyokong pandangan bahawa belia Malaysia perlu mempunyai bangunan 'Parlimen Belia' sendiri. Segala perbahasan akan dapat diadakan di Parlimen Belia.

Mencadangkan supaya KBS menentukan agenda tetap bagi program-program antarabangsa dan peserta-peserta program antarabangsa perlu diberikan penerangan mengenai struktur gerakan belia secara lengkap dan komprehensif.

Mencadangkan kepada KBS untuk menganjurkan kursus-kursus khas bagi pegawai-pegawai baru mengenai pertubuhan atau persatuan belia dan politik.

Memaklumkan bahawa KBS dan MBM perlu bersama-sama mengenalpasti pemimpin pelapis bagi menggantikan pemimpin pertubuhan belia sedia ada khususnya selepas Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia dikuatkuasakan.

5.20. Dr. Denison Jayasooria (Ahli Lantikan Menteri) memaklumkan bahawa satu pelan tindakan berasaskan kepada IBM ini perlu disediakan khusus bagi perancangan program pembangunan belia. Selain itu, untuk membolehkan kesahihan IBM ini diperakukan ianya hendaklah diadakan 'cross reference' dengan lain-lain 'secondary' data statistik seperti Indeks Jenayah Polis dan Indeks Juvana.

Mencadangkan perhatian yang serius perlu diberikan kepada beberapa indikator utama seperti sukan, senaman, kelab/persatuan, penglibatan politik dan sukarelawan kerana skor terhadap indikator ini dibawah paras 50.0%

5.21. Ulasan setiap agensi berkaitan dengan usul yang telah dibincangkan sila lihat Bahagian III

6. AGENDA VI : UCAPAN PENANGGUHAN OLEH Y.B DATO' Pengerusi

6.1 Y.B Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan memaklumkan bahawa Indeks Belia Malaysia dan Peta Belia adalah merupakan langkah pertama kerajaan terutamanya KBS untuk memastikan keberkesanan program pembangunan belia di negara ini dapat ditingkatkan.

6.2 Memaklumkan bahawa program pembangunan belia perlu mengalami perubahan bukan sahaja disebabkan perubahan masa tetapi ia perlu turut berubah mengikut tempat ia diadakan. Program pembangunan belia hari ini bukan sahaja mesti berbentuk ceramah atau bengkel tetapi ia turut perlu melibatkan program berbentuk fizikal.

6.3 MPBN sentiasa akan diberi suntikan-suntikan baru dan berharap penubuhan MPBD akan menjadi satu platform untuk mengkoordinasikan semua aktiviti belia diperingkat daerah dan

untuk itu satu jaringan hubungan antara Pegawai Belia dan Sukan Daerah dan Majlis Belia Daerah perlu dipastikan berada dalam keadaan baik.

- 6.4 Y.B Dato' Pengerusi menyarankan bahawa pemerkasaan pertubuhan belia selepas Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia diwartakan bukan hanya melibatkan aspek pertubuhan itu sahaja tetapi juga perlu melibatkan aspek penganjuran program.
- 6.5 Y.B Dato' Pengerusi mengesyorkan bahawa perjumpaan (persidangan) akan datang diadakan selepas Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia diadakan.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.30 petang.